

Surat khabar: Berita Harian ( Sarawak )

Hari/Tarikh: 19/9/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Sukar Laksana Projek Pembangunan.

20 SARAWAK

© KHAMIS 19 SEPTEMBER 2013

BH



Fadillah (tiga dari kanan) memotong kek Ulang Tahun Ke-20 UTHM pada majlis Perasmian Makan Malam Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Tanah Lembut 2013 (SEIC13).

[FOTO MAS ADIB/BH]

*"Daripada perspektif seorang jurutera, tanah lembut memang bermasalah dan seboleh-bolehnya cuba mengelak dari terbabit dalam mana-mana projek pembangunan di atas tanah berkenaan"*

**Fadillah Yusof**  
Menteri Kerja Raya

# Sukar laksana projek pembangunan

» Kawasan di Sarawak dikenal pasti mempunyai struktur tanah lembut

Oleh Mohd Hamizar Abd Hamid  
bhnews@bh.com.my

► Kuching

Sebahagian besar kawasan di Sarawak dikenal pasti mempunyai struktur tanah lembut yang menyukarkan kerajaan melaksanakan program pembangunan diran-

cang.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof, berkata keadaan itu memerlukan lebih banyak program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan kejuruteraan tanah lembut dilakukan bagi mencari penyelesaian berkesan ke arah menangani cabaran itu.

## Cabaran utama

Di Sarawak, katanya, antara kekangan utama bagi Jabatan Kerja Raya (JKR) ialah membina rangkaian jalan raya sempurna di permukaan tanah lembut berkaitan, khususnya Jabatan Kerja Raya, selain kontraktor yang dilantik.

"Inilah cabaran utama kita di Sarawak. Daripada perspektif seorang jurutera, tanah

lembut memang bermasalah dan seboleh-bolehnya cuba mengelak dari terbabit dalam mana-mana projek pembangunan di atas tanah berkenaan.

"Bagaimanapun, dalam kespesatan pembangunan negeri, kita tiada pilihan lain kecuali berdepan cabaran itu menggunakan pelbagai alternatif, termasuk kaedah rawatan tanah tertentu," katanya ketika merasmikan Makan Malam Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Tanah Lembut 2013 (SEIC13), kelmarin.

Hadir sama Naib Canselor Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin; Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Pro-

fesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Pengarah Kerja Raya Negeri, Ir. Zuraimi Sabki.

Katanya, jika kos tidak menjadi satu masalah, seseorang jurutera tentu mahu membuang tanah lembut berkenaan, seterusnya digantikan bahan pembinaan lain yang lebih baik, selain disokong oleh kerja-kerja penanaman cerucuk bagi menstabilkan struktur tanah.

## Perbelanjaan tinggi

Namun, beliau menjelaskan proses rawatan itu biasanya membabitkan perbelanjaan cukup tinggi dan mengambil masa agak lama sebelum projek pembangunan boleh dilaksanakan di sesebuah kawasan.

"Di Betong contohnya, sebahagian besar kawasannya terkenal dengan ketidakstabilan tebing sungai (juga disebabkan struktur tanah yang lembut), terutama di Pusa dan Beladin yang menyukarkan kerja-kerja pembinaan dermaga, jeti serta infrastruktur lain yang berkaitan," katanya.